



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 7/2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadhan bagi tahun Hijrah 1441/2020 Masihi adalah seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis } Jam 8.00 pagi hingga
dan Hari Sabtu } 2.00 petang

2. Bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang bertugas pada hari Jumaat waktu bertugas adalah seperti berikut:-

Hari Jumaat } Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi

3. Sementara masa bekerja bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Persekitaran Sihat Menjana Kemakmuran Negara"

(PENGIRAN HAJAH SITI NIRMALA BINTI PENGIRAN HAJI MOHAMMAD)
Pemangku Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (7) JPM/SK/2020

Tarikh: 19 Sya'aban 1441

13 April 2020